

CNS5483

R GB 22-05 00182 BB949

bah

Mahathir - Pekerja

MOGOK DAN TINDAKAN PERUSAHAAN BUKAN CARANYA KEMUKA TUNTUTAN, KATA PM

PEKAN, 22 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sikap berdisiplin di kalangan pekerja, bertanggungjawab dan mahu menolong perusahaan yang diceburi memperoleh keuntungan, merupakan antara cara untuk menikmati sebahagian daripada keuntungan itu.

Semasa berucap pada pelancaran Taman Perusahaan Perindustrian Automative Manufacturers (M) Sdn Bhd di sini, beliau berkata dengan mengamalkan sikap sedemikian, para pekerja masih boleh mendapat nikmat daripada keuntungan syarikat walaupun tanpa desakan, mogok atau tindakan perusahaan.

Katanya ini merupakan sikap baru yang dapat mempercepatkan pembangunan negara dengan lebih pesat kerana pekerja kini lebih bertanggungjawab dan sadar bahawa nasib mereka berada di tangan mereka sendiri.

"Kita sendiri yakin bahawa pekerja-pekerja akan menerima pendapatan yang bertambah tanpa desakan, tanpa mogok, tanpa tindakan perusahaan bahkan tanpa kesatuan sekerja," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa keadaan tenteram di kalangan pekerja dan kesatuan-kesatuan di negara ini menarik banyak pelabur luar dan dalam negeri yang sekaligus menambah peluang kerja sehingga bilangan pekerja tidak mencukupi. -- Lagi

▼22/05/21-03MST

CNS5484

R GB 22-05 00159 BB950

bah

Mahathir - Pekerja 2 Pekan

Beliau berkata bilangan pekerja yang kurang daripada peluang kerja, menyebabkan majikan terpaksa menaikkan bayaran upah kerana berebut-rebut untuk mendapatkan pekerja.

"Apabila mereka berebut, sudah tentu mereka akan memberi layanan yang baik, upah yang lebih tinggi, kemudahan kantin, makanan dan sebagainya. Apakah ini kurang baik daripada kita mengadakan tindakan perusahaan?," tanya Dr Mahathir.

Malangnya masih ada pemimpin kesatuan sekerja yang berpendapat bahawa mereka akan dapat memberi manfaat kepada pekerja dengan cara ugutan mogok, katanya.

Katanya selain mengugut majikan, pemimpin seperti itu juga meminta kesatuan sekerja asing mengugut kerajaan dan mereka ini lebih suka berlagak sebagai pemimpin kesatuan tanpa peduli sama ada rakyat mempunyai pekerjaan atau tidak.

Perdana Menteri berkata sepatutnya tiada yang menyokong golongan ini kerana kerajaan yang mewujudkan peluang kerja dengan membawa lebih banyak pelabur sedangkan kesatuan sekerja atau gabungan kesatuan pekerja tidak pernah berbuat apapun untuk menggalakkan pelaburan. -- Lagi

▼22/05/21-17MST

CNS5486

R GB 22-05 00170 BB951

bah

Mahathir-Pekerja 3 Pekan

Beliau juga berkata kerajaan membuat keputusan untuk menswastakan beberapa agensi kerajaan kerana percaya agensi berkenaan akan dapat berjalan licin setelah diswastakan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apa yang berlaku ialah setelah pekerja di jabatan kerajaan yang diswastakan itu mendapat nikmat hasil keuntungan syarikat, mereka bukan sahaja tidak mensyukuri nikmat, bahkan seolah-olah ingin menolong kesatuan yang suka mengugut kerajaan.

"Mereka mendapat nikmat banyak setelah diswastakan. Sekarang mereka ingin sertai kumpulan yang suka ugut kerajaan dan ketenteraman perusahaan di negara kita. Kita kurang faham.. bukan yang tak dapat nikmat yang timbulkan angkara tapi yang banyak dapat nikmat," katanya.

Beliau menegaskan bahawa sungguhpun bilangannya tidak ramai tetapi tindakan mereka boleh membawa kesan buruk dan sekiranya tidak diperbetulkan, pembangunan negara akan menjadi sukar.

Taman Perusahaan Perindustrian itu terletak di kawasan seluas 11.2 hektar di Bandar Baru Peramu di sini kira-kira satu kilometer daripada kilang. Ia dimajukan oleh Pasdec Corporation Sdn Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. -- Lagi

▼22/05/21-19MST

CNS5487

R GB 22-05 00119 BB952

bah

Mahathir - Pekerja 4 (Akhir) Pekan

Taman perumahan itu mengandungi 300 unit rumah terdiri daripada 200 unit rumah berkembar kos sederhana, 24 unit pangsapuri satu bilik, 56 unit rumah berkembar kos sederhana, empat unit banglo tetamu dan 16 unit banglo biasa.

Terdahulu, Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri-menteri kabinet dari Pahang dan anggota Exco kerajaan negeri meninjau kilang AMM yang memasang kenderaan Isuzu, Citroen, Mitsubishi Pajero dan trak Tata.

Beliau juga melancarkan model terbaru Isuzu Trooper dengan mengujipandu kenderaan itu dan kemudian menyaksikan kerja-kerja pemasangan bas di kilang Masterbuilders (M) Sdn Bhd, juga terletak di kawasan Perindustrian Peramu.

-- Bernama.

ROS RON